

Kamus Istilah KEJURUTERAAN PETROLEUM

PERINGKAT PENGAJIAN TINGGI

AZIZ HUSSIN
ARIFFIN SAMSURI
AHMAD KAMAL HAJI IDRIS



Kamus Istilah KEJURUTERAAN PETROLEUM

PERINGKAT PENGAJIAN TINGGI

AZIZ HUSSIN
ARIFFIN SAMSURI
AHMAD KAMAL HAJI IDRIS

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Pendidikan Malaysia
Kuala Lumpur
1988

PUSTAKA PERDANA



1004766

KANDUNGAN

Prakata	vii
Pendahuluan	ix
Penghargaan	xiii
Singkatan	xv
Persamaan Metrik	xvii
Rujukan	xix
Kamus Istilah Kejuruteraan Petroleum	1
Glosari Bahasa Malaysia – Bahasa Inggeris	325
Glosari Bahasa Inggeris – Bahasa Malaysia	361

PRAKATA

Usaha penyusunan kamus istilah adalah satu usaha yang sangat rapat kaitannya dengan usaha peristilahan. Projek peristilahan yang dilancarkan secara besar-besaran oleh pihak DBP pada tahun 1981, telah berjaya menghasilkan ribuan istilah untuk kegunaan berbagai-bagai bidang ilmu pengajian sama ada di sekolah-sekolah atau di institusi-institusi pengajian tinggi. Walau bagaimanapun, jika istilah-istilah yang telah dicipta itu dibiarkan wujud dalam bentuk “istilah” semata-mata, tanpa dinyatakan takrifnya, setengah-setengah daripada istilah itu mungkin akan hilang begitu sahaja kerana tidak dipakai oleh masyarakat penggunaanya atau kemungkinan lain, istilah itu dipakai tetapi dalam konteks yang berbeza daripada yang sepatutnya. Kesangsian dalam pemakaian ini dapat dielakkan jika makna yang dibawa oleh sesuatu istilah itu dinyatakan. Inilah peranan kamus.

Usaha penyusunan kamus, terutamanya dalam bidang sains dan teknologi bukanlah satu tugas yang mudah. Ia memerlukan darjah kepakaran yang tinggi, termasuklah aspek peristilahan dan bahasa. Walaupun demikian, sambutan daripada pakar-pakar bidang nampaknya sungguh menggalakkan.

Pihak Dewan Bahasa dan Pustaka telah pun menerbitkan dua buah kamus istilah sebelum ini iaitu **Kamus Istilah Hidrogeologi** dan **Kamus Istilah Hidrologi** di bawah anjuran UNESCO. Sebagai kamus istilah peringkat serantau iaitu hasil usaha bersama dengan Indonesia, tatacara penerbitan kamus ini menjadi asas dalam penerbitan kamus istilah yang lain.

Pihak Dewan Bahasa dan Pustaka sentiasa mengalu-alukan kelahiran kamus-kamus istilah untuk berbagai-bagai bidang pengajian yang terdapat di Malaysia. **Kamus Istilah Kejuruteraan Petroleum** ini adalah buku kamus istilah yang pertama yang seumpamanya diterbit-

kan setakat ini. Kamus istilah ini telah disusun oleh tiga orang pensyarah yang kesemuanya dari Jabatan Kejuruteraan Petroleum, Universiti Teknologi Malaysia. Secara kebetulan, kursus pengajian dalam bidang Kejuruteraan Petroleum di Malaysia memang terdapat hanya di universiti ini sahaja. Mudah-mudahan usaha ini berjaya merintis jalan ke arah memantapkan istilah yang terdapat dalam bidang ini dan menjadi ikutan bagi bidang-bidang lain.

Seerti yang dimaklumi, bidang perminyakan bukan lagi merupakan bidang yang sangat baru kepada masyarakat Malaysia. Orang ramai semakin biasa dengan beberapa istilah yang selalu dipakai dalam industri minyak, misalnya, tong, pelantar, telaga minyak dan sebagainya. Walaupun setengah-setengah istilah tersebut mudah difahami tetapi sebahagian yang lainnya mungkin begitu asing kepada kita. Kamus istilah seperti ini dijangka akan dapat memainkan peranannya dalam memaklumkan kepada masyarakat penggunaanya tentang makna sesuatu istilah itu.

Adalah diharapkan buku istilah ini dapat memberi manfaat tidak sahaja kepada pelajar-pelajar universiti tetapi juga kepada badan-badan kerajaan yang lain yang terlibat dengan bidang perminyakan dan juga syarikat-syarikat swasta.

Ketua Pengarah,
Dewan Bahasa dan Pustaka.
Kuala Lumpur.